

AMALAN PENJARAKAN FIZIKAL DALAM SOLAT BERJEMAAH DI MASJID MENURUT PERSPEKTIF MAQASID SYARIAH

The Implementation Of Physical Distancing During Congregational Prayer In The Mosque From Maqasid Syariah Perspective

Nur Kamilah Kamaruddinⁱ, Siti Nor Azimah Sabaruddinⁱ, Nik Nurul Akmal Ab Alimiⁱ, Tengku Maaidah Tengku A Razakⁱⁱ, Mohd Ridhuwan Bin Remly^{iv} & Nor Azrina @ Nor Azura Ab. Rahmanⁱⁱⁱ

ⁱ (Corresponding author). Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Pusat Asasi, Universiti Teknologi Mara Kampus Dengkil, Selangor.

E-mel: nurkamilah@uitm.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah Kanan (PhD), Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Pusat Asasi, Universiti Teknologi Mara Kampus Dengkil, Selangor.

ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Pusat Asasi, Universiti Teknologi Mara Kampus Dengkil, Selangor.

^{iv} Pelajar Pasca Siswazah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

Abstrak	Abstract
<p><i>Pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia telah memberi kesan kepada sistem peribadatan umat Islam iaitu larangan solat berjemaah di masjid. Negara Malaysia yang majoriti penduduknya beragama Islam telah menetapkan garis panduan solat berjemaah rentetan penurunan kes positif COVID-19. Hal ini bagi memastikan masyarakat dapat melaksanakan solat berjemaah di masjid semasa pandemik berlaku tanpa mengabaikan keperluan menjaga nyawa. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan untuk menganalisis penetapan garis panduan berkaitan penjarakan fizikal dalam solat berjemaah di masjid ketika perintah kawalan pergerakan menurut perspektif Maqasid Syariah. Bagi mencapai objektif kajian, pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kajian kepustakaan terhadap literatur Maqasid Syariah dalam konsep daruriyyat, kaedah fiqh dan pandangan ahl al-khibrah. Hasil kajian mendapati bahawa melaksanakan</i></p>	<p><i>The COVID-19 pandemic that hit the whole world has affected the Muslim worship system, including disallowing congregational prayers in mosques. Due to the decline in COVID-19 positive cases, Malaysia as a Muslim majority country has allowed the opening of mosques and set guidelines for congregational prayer. This is to ensure that the community can perform congregational prayers in the mosque during the pandemic without neglecting the protection of lives. In this regard, this study was conducted to analyze the guidelines related to physical distancing in congregational prayers in mosques during movement control orders according to the Maqasid Syariah perspective. To achieve this objective, researchers used a qualitative approach, which is library research of Maqasid Syariah literature in the concept of daruriyyat, Islamic Legal Maxims and the opinions of ahl al-khibrah. The findings show that the practice of physical distancing</i></p>

<p><i>penjarakan fizikal ketika solat berjemaah di masjid semasa pandemik COVID-19 adalah bertepatan dengan matlamat syarak khususnya dalam pemeliharaan agama dan nyawa. Hal ini berdasarkan pandangan ahl al-khibrah, pertimbangan masalah antara daruriyyat dan tahsiniyyat serta aplikasi kaedah fiqh. Justeru, memahami peranan maqasid secara menyeluruh dapat membantu manusia dalam melaksanakan ibadat mengikut acuan dan ketetapan syariat Allah SWT.</i></p> <p>Kata kunci: COVID-19, daruriyyat, fiqh pandemik, ijtihad, tahsiniyyat</p>	<p><i>between worshippers during congregational prayers in mosques amid the COVID-19 pandemic was in line with Maqasid Syariah especially in the preservation of religion and protecting lives. This is based on the opinions of ahl al-khibrah, the consideration of masalah between daruriyyat and tahsiniyyat as well as the application of Islamic Legal Maxims. Hence, understanding the role of maqasid is important in guiding the community to perform their prayers according to the Syariah rulings in this pandemic situation.</i></p> <p>Keyword: COVID-19, daruriyyat, fiqh pandemic, ijtihad, tahsiniyyat</p>
---	--

PENDAHULUAN

Pada 11 Mac 2020, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengisytiharkan COVID-19 sebagai suatu pandemik. Penularan wabak yang berlaku secara drastik menyebabkan perubahan pada tatacara kehidupan manusia dalam aktiviti ekonomi, sosial dan budaya termasuklah aktiviti keagamaan di rumah-rumah ibadat. Perkara ini memerlukan penelitian fiqh yang mendalam dengan mengambil kira keadaan dan keperluan semasa. Dalam pada itu, kebanyakan negara melaksanakan pelbagai usaha dan langkah pencegahan bagi menghadapi krisis ini. Di Malaysia, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac 2020 dijalankan bagi membendung penyebaran wabak ini dengan mengehadkan pergerakan dan aktiviti perhimpunan ramai. Implikasi pelaksanaan PKP menyebabkan aktiviti keagamaan terutama di institusi masjid dan surau dihadkan kehadiran jemaah iaitu hanya sebilangan kecil dalam kalangan ahli jawatankuasa masjid dan surau sahaja dibenarkan solat berjemaah (Muhyiddin, 2020). Manakala masyarakat awam yang lain tidak dibenarkan solat berjemaah di masjid dan surau.

Kemudian ekoran daripada penurunan jumlah kes positif COVID-19, kerajaan Malaysia telah memutuskan untuk membenarkan kembali aktiviti pengimaran institusi masjid termasuklah solat berjemaah kepada masyarakat awam. Namun begitu, segala pergerakan dan aktiviti tertakluk kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) yang digariskan oleh pihak berwajib. Masyarakat perlu membiasakan diri dengan norma kehidupan baharu. Begitu juga dalam pelaksanaan ibadat di masjid dan surau secara berjemaah perlu mengikuti norma baharu berdasarkan SOP solat berjemaah bagi memutuskan rangkaian jangkitan COVID-19. Amalan norma baharu iaitu penjarakan fizikal antara jemaah yang dinyatakan dalam garis panduan solat berjemaah menjadi

topik perbincangan dalam kalangan masyarakat kerana pada asalnya saf solat hendaklah dirapatkan dan disempurnakan (Asliza Musa, 2020).

Agama Islam sangat menitikberatkan manusia menjauhi perkara yang boleh memudaratkan dalam menjalani kehidupan seharian terutama melibatkan perkara ibadat. Ini selari dengan Maqasid Syariah yang menekankan penjagaan agama dan nyawa. Mengamalkan norma baharu dan mematuhi SOP dalam pelaksanaan solat berjemaah di masjid dan surau merupakan jalan terbaik bagi mencegah penularan COVID-19. Oleh itu, kajian ini akan meneliti garis panduan berkaitan penjarakan fizikal dalam solat berjemaah di rumah ibadat semasa penularan COVID-19 dari perspektif Maqasid Syariah.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dalam pengumpulan data dan penganalisan data. Pengkaji memilih reka bentuk kualitatif kerana pendekatan ini sesuai dengan konteks kajian yang bersifat aplikasi prinsip terhadap sesuatu isu. Bagi kaedah pengumpulan data, pengkaji menggunakan kajian kepustakaan bagi mendapatkan data sekunder yang diperlukan. Oleh itu, metode dokumentasi digunakan untuk mendapatkan data sekunder bagi kajian ini iaitu perbincangan dalam aspek Maqasid Syariah dan COVID-19.

Data ini diperoleh daripada bahan-bahan yang diterbitkan dan bahan-bahan yang tidak diterbitkan. Bahan-bahan yang diterbitkan meliputi kitab-kitab silam, buku-buku kontemporari dan artikel jurnal. Bahan-bahan yang tidak diterbitkan meliputi kertas kerja seminar dan laporan penyelidikan. Seseengah bahan diperoleh melalui capaian internet. Kesemua bahan-bahan ini sama ada berbentuk *softcopy* atau *hardcopy* diperoleh daripada perpustakaan, buku-buku milik individu serta diakses daripada internet. Kaedah ini merupakan kaedah utama yang akan digunakan oleh pengkaji kerana keseluruhan kajian ini memerlukan maklumat daripada dokumentasi bagi memperoleh data yang berkaitan dengan kajian. Seterusnya, pengkaji menggunakan kaedah analisis kandungan bagi menganalisa data yang dikumpulkan untuk menentukan pengambilan maklumat penting daripada dokumen tersebut. Oleh sebab kajian ini merupakan kajian kualitatif menggunakan metode dokumentasi, jadi analisis kandungan bagi kajian ini dilakukan secara induktif dan deduktif.

KONSEP MAQASID SYARIAH

Al-Ghazali (1993) menyifatkan maqasid sebagai *maslahah* (kebaikan) iaitu mendatangkan manfaat dan menolak kemudharatan. Apa yang dimaksudkan oleh beliau ialah kewajipan menjaga matlamat syarak terhadap manusia dalam lima perkara iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Ulama kontemporari turut memberikan perhatian khusus terhadap Maqasid Syariah kerana ilmu ini memainkan peranan penting dalam aktiviti ijtihad fiqh serta

mencari solusi bagi permasalahan semasa berlandaskan dalil, nas dan kaedah syar'ie (al-Khadimi, 2001). Antara sarjana kontemporari iaitu al-Fasi memberikan makna maqasid sebagai tujuan dan rahsia yang diletakkan syarak pada penetapan hukum-hukum (al-Fasi, 1993). Al-Raisuni pula mendefinisikan Maqasid Syariah sebagai objektif-objektif yang diletakkan syarak untuk merealisasikan kebaikan hamba (al-Raysuni, 1995). Selain itu, al-Yubi (1998) menyatakan maqasid sebagai makna dan hikmah yang dipelihara oleh syarak dalam setiap pensyariatan umum dan khusus, bertujuan merealisasikan masalah hamba.

Daripada kesemua takrif yang dinyatakan, Maqasid Syariah didefinisikan sebagai matlamat hukum syarak iaitu apakah yang dikehendaki oleh syarak di sebalik pensyariatan sesuatu hukum. Ini kerana, setiap perintah Allah sama ada berbentuk suruhan atau larangan semestinya mempunyai objektif tertentu, tidak lain dan tidak bukan bagi kebaikan dan kemaslahatan hamba-Nya. Maka dapat difahami bahawa Allah SWT tidak meletakkan sesuatu perintah itu dengan sia-sia, lebih jauh lagi mensyariatkan sesuatu yang mendatangkan kemudaratan kepada manusia. Justeru, dapat disimpulkan bahawa Maqasid Syariah merupakan matlamat syarak dalam suatu pensyariatan yang bertujuan mendatangkan kebaikan atau menolak kemudaratan daripada manusia.

Ulama maqasid membahagikan Maqasid Syariah berdasarkan susunan *masalah* yang mesti dijaga kepada tiga pembahagian. Pertama, *daruriyyat* iaitu keperluan yang sampai ke tahap darurat. Al-Shatibi (1997) mendefinisikan *daruriyyat* sebagai suatu yang mesti wujud bagi membangunkan masalah agama dan dunia, sekiranya tiada *daruriyyat* ini maka akan berlaku kepincangan pada urusan dunia. Kepentingan *daruriyyat* terbahagi kepada lima dan disebut sebagai *daruriyyat al-khams* iaitu menjaga agama (*hifz al-din*), menjaga nyawa (*hifz al-nafs*), menjaga akal (*hifz al-aql*), menjaga keturunan (*hifz al-nasb*) dan menjaga harta (*hifz al-mal*). Kedua, *hajiyyat* yang mana memberi kemudahan pada manusia dan mengangkat kesempitan yang boleh membawa kesusahan kepada mereka. *Hajiyyat* tidaklah sampai ke tahap darurat seperti *daruriyyat*. Maka sekiranya *hajiyyat* ini tidak dipenuhi, tidaklah menyebabkan kepincangan hidup tetapi boleh menimbulkan kepayahan pada manusia. Oleh itu, syarak hadir untuk mengangkat kesulitan tersebut sama ada pada aspek ibadat, adat, muamalat atau jenayah (al-Yubi, 1998). Ketiga, *tahsiniyyat* iaitu mengambil dengan kemuliaan akhlak dan memilih manhaj terbaik dalam membentuk keelokan dan kecantikan sifat serta perbuatan pada seseorang individu mahupun masyarakat. Menurut al-Yubi (1998), disebabkan *tahsiniyyat* tidak terletak pada tingkatan *daruriyyat* ataupun *hajiyyat*, maka meninggalkannya tidak mendatangkan mudarat dan kehilangannya tidak menyebabkan kesulitan. Namun kepentingan ini akan menyumbang kepada keindahan dan kesempurnaan hidup manusia.

PERBINCANGAN DAN HASIL KAJIAN

Perbincangan dan dapatan kajian dibahagikan kepada enam bahagian iaitu hukum merapatkan saf solat, pandangan *ahl al-khibrah* berkaitan kemudaratan COVID-19, kesan penjarakan fizikal terhadap pengurangan jangkitan COVID-19, pertimbangan masalah, aplikasi kaedah fiqh dalam penetapan garis panduan berkaitan penjarakan fizikal ketika solat berjemaah dan pemakaian pelitup muka semasa menunaikan solat.

Hukum merapatkan saf semasa solat berjemaah

Islam mengambil berat terhadap saf jemaah dalam solat di mana terdapat perintah agar merapatkan saf dan menyatakan kelebihan merapatkan saf solat. Para fuqaha bersepakat bahawa merapatkan saf adalah perkara yang disyariatkan dalam solat berjemaah (Ibn al-Qattan, 2004) namun mereka berbeza pandangan pada sifat pensyarian tersebut kepada dua pendapat. Pertama, hukum merapatkan saf adalah wajib berdasarkan kepada beberapa hadis. Kedua, merapatkan saf solat adalah sunat muakkad. Pandangan jumhur fuqaha ini berdalilkan beberapa hadis yang menunjukkan bahawa meluruskan saf solat termasuk dalam perkara *tahsiniyyat*, hukumnya adalah *mustahab* dan menyelisihinya adalah makruh (Pejabat Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwat Agama), 2020).

Penjarakan fizikal dalam saf solat sejauh satu meter antara ahli jemaah bagi membendung penularan jangkitan wabak COVID-19 merupakan isu baharu yang termasuk dalam *fiqh al-nawazil*. Pada asasnya, menjarakkan saf solat dalam keadaan normal adalah makruh menurut jumhur fuqaha (Murtadha Abd Rahim, 2020). Namun, penjarakan antara jemaah ketika wujud keperluan atau dalam situasi luar kebiasaan yang disebabkan oleh musibah atau keuzuran, ia tidak lagi dikira sebagai perkara makruh kerana kaedah fiqh menyebut "*Hukum makruh itu hilang jika terdapat keperluan*". Keharusan menjarakkan saf solat telah dinyatakan oleh Al-Majlis al-Islami li al-Ifta' Palestin (Majlis Fatwa Palestin, 2021), Dar al-Ifta' Mesir (Majlis Fatwa Mesir, 2020) dan Kesatuan Ulama Islam Sedunia (Kesatuan Ulama Muslimin Sedunia, 2020). Malahan, ulama sedunia turut mengeluarkan fatwa berkenaan penjarakan fizikal dalam solat. Sheikh Uthman al-Khamis, ulama Kuwait menyatakan harus menunaikan solat dalam keadaan berjarak sekitar satu hingga dua meter antara jemaah bagi mengelakkan penularan wabak dan penyakit. Ini kerana meluruskan dan merapatkan saf bukanlah syarat sah solat, bahkan kaedah ini lebih baik daripada meninggalkan solat berjemaah di masjid (Zakkir al-Da'wiyah, 2020). Begitu juga dengan Dr. Abd al-Hayy Yusuf yang menyebutkan harus solat berjemaah di masjid dalam keadaan penjarakan fizikal disebabkan khawatir merebaknya wabak (Abd al-Hayy Yusuf, 2020). Secara keseluruhannya, penjarakan fizikal dalam solat berjemaah dibenarkan bagi mengekang penularan wabak ini.

Pandangan Ahl Al-Khibrah Berkaitan Kemudaran COVID-19

Merujuk kepada ahli perubatan dalam membincangkan berkenaan kadar kemudaran COVID-19 adalah suatu kemestian kerana mereka merupakan *ahl al-khibrah*. Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT:

فَأَسْأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

“Oleh itu bertanyalah kamu kepada orang-orang yang berpengetahuan jika kamu tidak mengetahui.” (al-Anbiya’, 7)

Menurut Ibn Kathir, perkataan *ahl al-zikr* dalam ayat ini merujuk kepada *ahl al-‘ilm* iaitu orang yang mempunyai pengetahuan daripada umat terdahulu seperti Yahudi, Nasrani dan golongan lain (Ibn Kathir, 1999). Perkataan tersebut digunakan untuk memberi peringatan kepada masyarakat Arab bahawa Allah telah mengutuskan rasul kepada umat yang terdahulu daripada golongan manusia bukannya malaikat. Jadi, maksud *ahl al-zikr* dalam konteks ayat al-Quran ini ialah ahli kitab daripada kalangan Yahudi dan Nasrani. Maka, merujuk dan bertanya kepada mereka yang mempunyai kepakaran dalam bidang berkenaan adalah suatu kemestian.

Penilaian risiko dan bahaya wabak COVID-19 dalam konteks negara kita adalah merujuk kepada data yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Sehingga 13 April 2021, jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang direkodkan ialah 363,940 kes. Manakala peratusan kematian yang dilaporkan akibat wabak ini ialah sebanyak 0.37 peratus daripada keseluruhan kes positif. Begitu juga, terdapat kes melibatkan Unit Rawatan Rapi (ICU) dan kes yang memerlukan bantuan alat pernafasan (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2021). Laporan ini memperlihatkan bahawa jangkitan COVID-19 telah menyebabkan mortaliti dan morbiditi terhadap manusia. Sekiranya langkah pencegahan tidak dilaksanakan, ia boleh meningkatkan risiko jangkitan seterusnya membawa kepada kematian. Oleh itu, segala usaha untuk memelihara nyawa manusia daripada kemudaran hendaklah dilakukan, termasuklah penjarakan fizikal dalam menunaikan solat berjemaah. Ini kerana pemeliharaan nyawa merupakan Maqasid Syariah yang mencapai martabat *daruriyyat* yang mana wajib dijaga.

Kesan Penjarakan Fizikal Terhadap Pengurangan Jangkitan COVID-19

Secara umumnya, penjarakan sosial dan penyekatan perjalanan (*lockdowns*) adalah antara Standard Operating Procedure (SOP) yang diamalkan di sebahagian besar negara-negara dunia pada hari ini bagi mengurangkan penularan COVID-19. Ianya mula dilaksanakan di Wuhan, China kemudian diikuti secara beransur-ansur oleh negara-negara lain seperti Itali, Jerman, Israel, Sri Lanka, India, United Kingdom, Perancis, Belgium dan Malaysia. Penjarakan sosial merupakan kaedah untuk meminimumkan interaksi orang ramai dan mencegah penyebaran virus dalam kalangan masyarakat. Amalan

ini membolehkan individu menjaga jarak antara satu sama lain untuk jangka masa tertentu bagi meminimumkan penyebaran virus COVID-19. Langkah ini akan mengurangkan bilangan *reproduction virus* (R0), seterusnya dapat mengurangkan penyebaran virus berkenaan kepada orang ramai. COVID-19 berbeza dengan SARS-COV, yang mana pesakit pada peringkat *prodromal* iaitu pesakit yang mengalami simptom-simptom awal penyakit mampu menghasilkan sejumlah besar replikasi virus (*virus replications*) yang dapat menyumbang kepada penyebaran jangkitan dalam tempoh masa yang singkat (Fahim Aslam, 2020).

Dalam kajian yang dilakukan oleh Prem dan kumpulan penyelidiknya (2020) mendapati bahawa amalan penjarakan sosial yang dilakukan dengan betul dijangka dapat menurunkan 92 peratus kes pada akhir tahun 2020. Dalam kajian ini dikatakan bahawa dua amalan penjarakan sosial yang dapat meminimumkan penyebaran jangkitan ialah melalui penjarakan sejauh satu meter dan tinggal di kediaman masing-masing (*stay at home*). Amalan ini telah terbukti dapat meredakan penyebaran virus ini sepertimana yang mana berlaku di Wuhan. Langkah mengekalkan amalan penjarakan sosial untuk jangka masa tertentu dapat memastikan penularan COVID-19 dikurangkan. Kajian daripada beberapa pengkaji juga mendapati bahawa intervensi penjarakan sosial memainkan peranan penting dalam mempengaruhi trajektori wabak ini (Matrajt & Leung, 2020).

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Dagherri dan Ozmen (2020) menunjukkan bahawa penjarakan sosial mempengaruhi penyebaran COVID-19 dengan ketara, di mana penyebaran kadar penyakit dan jangkitan berkurang apabila prosedur ini dilaksanakan dengan lebih ketat. Mereka membuat kesimpulan bahawa pelaksanaan SOP ini secara signifikannya dapat mengurangkan kadar jangkitan dan seterusnya mengurangkan kadar kematian. Melalui eksperimen yang dijalankan oleh mereka membuktikan bahawa kadar jangkitan dapat dikurangkan secara mendadak apabila intervensi penjarakan sosial dilaksanakan antara 80 peratus hingga 100 peratus. Hasil kajian mereka ini menyokong pelaksanaan SOP yang telah dilaksanakan oleh sebahagian besar negara di dunia pada waktu ini bagi mengekang penyebaran pandemik COVID-19.

Pada tahun 1918, ketika dunia dilanda wabak Influenza, seramai 50 hingga 100 juta kematian dilaporkan di seluruh dunia disebabkan wabak ini. Walaupun pelaksanaan penjarakan sosial tidak dikuatkuasakan pada tahun tersebut, tetapi majoriti rakyat di seluruh dunia ketika itu telah mengambil langkah "*reactive social distancing measures*" bagi menghindari wabak berkenaan. Selain itu, penularan H1N1 beberapa dekad lepas telah menjangkiti hampir 60 juta manusia di seluruh dunia, dan kawalan jangkitan wabak ini telah dilakukan melalui langkah-langkah umum seperti penjarakan sosial supaya penyebaran virus kepada manusia dapat dielakkan (Fahim Aslam, 2020). Justeru, penjarakan fizikal dalam solat berjemaah yang dilaksanakan

ketika ini merupakan salah satu langkah terbaik dan berkesan dalam mengurangkan jangkitan COVID-19 demi keselamatan bersama.

Pertimbangan Masalah Dalam Penjarakan Saf Solat

Sebelum membincangkan pertimbangan antara masalah, perlu difahami bahawa penjarakan fizikal dalam solat berjemaah semasa pandemik COVID-19 bukanlah bermaksud mengabaikan penjagaan agama kerana dari sudut Maqasid Syariah memelihara agama sememangnya diutamakan. Namun dalam hal ini, pemeliharaan nyawa daripada bahaya COVID-19 tidak boleh diabaikan. Hal ini demikian kerana menjaga nyawa adalah tujuan asal (*maqasid al-asli*) bagi menjaga agama. Dalam erti kata lain, memelihara nyawa adalah asas dalam memelihara agama kerana jika umat Islam berada dalam keadaan sihat dan kuat, maka mereka dapat menjalankan urusan agama dengan baik. Dalam pada itu, selagi umat Islam menunaikan solat berjemaah maka pemeliharaan agama tetap terlaksana walaupun penjarakan fizikal dilaksanakan buat sementara waktu.

Allah SWT memerintahkan agar manusia memelihara nyawa mereka daripada sebarang perkara yang membawa kepada kebinasaan dan kemusnahan. Firman Allah yang bermaksud:

“Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan.” (Al-Baqarah, 195)

Ayat di atas merupakan dalil umum yang menunjukkan bahawa Islam menekankan pemeliharaan *daruriyyat al-khams*. Dalam hal ini, menjarakkan saf solat berjemaah merupakan kaedah bagi memelihara salah satu *daruriyyat al-khams* iaitu nyawa. Hal ini kerana syarak memerintahkan manusia untuk menjauhkan diri daripada sebarang punca atau penyebab kepada kemudaratan. Wabak COVID-19 telah disahkan oleh pakar perubatan sebagai salah satu punca yang membahayakan kesihatan dan nyawa manusia. Oleh itu, berusaha menjauhkan diri daripada wabak ini adalah wajib sebagai tanda mematuhi perintah Allah dalam memelihara nyawa daripada sebarang kemudaratan (Murtadha Abd Rahim, 2020: 2109).

Ijtihad dalam penjarakan saf solat adalah berpandukan kepada pertimbangan masalah antara *daruriyyat* dan *tahsiniyyat*. *Daruriyyat* ialah keperluan yang sampai ke tahap darurat dan jika tidak dipenuhi boleh menyebabkan kepincangan dalam kehidupan manusia. Manakala *tahsiniyyat* pula merupakan kepentingan yang menyerlahkan keindahan dalam kehidupan manusia. Ketiadaan *tahsiniyyat* tidak menyebabkan kepincangan atau kesulitan kepada manusia. Jika tiada pertembungan antara keduanya iaitu dalam keadaan biasa, maka manusia mesti berusaha mewujudkan keduanya. Berbeza dalam keadaan berlaku pertembungan antara *daruriyyat* iaitu menjaga nyawa daripada jangkitan COVID-19 dan *tahsiniyyat* iaitu

menyempurnakan saf solat, maka dalam hal ini *daruriyyat* mesti diutamakan. Ini kerana apabila manusia berada dalam keadaan luar kebiasaan yang disebabkan oleh wabak atau keuzuran, maka mereka hendaklah melaksanakan perintah Allah berdasarkan kemampuan masing-masing. Allah SWT berfirman:

فَاتَّقُوا اللَّهَ مَا اسْتَطَعْتُمْ

“Oleh itu bertakwalah kamu kepada Allah sedaya upaya kamu.” (al-Taghabun, 16)

Menurut Murtadha Abd Rahim (2020), manusia tidak berupaya merapatkan saf solat ketika pandemik ini berlaku kerana khuatir mudarat COVID-19, maka tidaklah menjadi suatu masalah bagi menjarakkan saf dalam solat berjemaah. Hal ini sebagaimana syarak mengharuskan solat *faqid al-tahurayn* iaitu orang yang tidak mampu melakukan kedua-dua cara bersuci.

Aplikasi Kaedah Fiqh

Keharusan penjarakan jemaah dalam saf solat bagi membendung penularan wabak adalah berdasarkan kepada dua kaedah fiqh; antaranya ialah “*menjauhi mafsadah lebih utama daripada mendatangkan masalah*” (Zaydan, 2001). Sekiranya berlaku pertentangan antara mafsadah dan masalah, maka menolak mafsadah akan diutamakan ke atas mewujudkan masalah kerana syarak menitikberatkan larangan lebih daripada suatu perintah. Merapatkan saf merupakan suatu masalah, namun merapatkan saf ketika situasi penularan wabak berlaku mengakibatkan mafsadah iaitu risiko jangkitan wabak. Maka dalam hal ini usaha untuk mewujudkan masalah perlu ditinggalkan bagi mengangkat mafsadah.

Kedua, kaedah “*apabila bertembungnya dua mafsadah, maka dipelihara (ditolak) mudarat yang paling besar dengan melakukan mudarat yang lebih ringan*” (Zaydan, 2001). Jika menjarakkan fizikal dalam saf solat dianggap sebagai suatu mafsadah, jangkitan wabak hasil daripada merapatkan saf adalah mafsadah yang lebih besar. Maka hendaklah mengambil mafsadah yang lebih ringan iaitu menjarakkan fizikal dalam saf solat berjemaah. Dari sudut yang lain pula, mafsadah dalam penjarakan saf adalah lebih ringan berbanding mafsadah pada penutupan masjid, maka hendaklah melakukan mafsadah yang lebih ringan. Tambahan pula, jumhur ulama berpandangan bahawa hukum merapatkan saf solat adalah sunat muakkad.

Pemakaian Pelitup Muka Ketika Solat

Selain daripada penjarakan fizikal, jemaah dikehendaki solat dengan memakai pelitup muka (*face mask*). Pelitup muka adalah salah satu langkah pencegahan COVID-19 yang mustahak terutama sekali apabila penjarakan fizikal sukar untuk dikekalkan. Pemakaian pelitup muka disarankan sebagai penghadang

mudah yang dapat membantu menghalang cecair dari hidung dan mulut daripada merebak ke udara terutamanya apabila seseorang itu batuk, bersin atau bercakap. Pada asalnya, hukum menutup mulut ketika solat tanpa sebarang sebab atau keuzuran adalah makruh. Hal ini berdasarkan hadis Nabi SAW:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنِ السَّدْلِ فِي الصَّلَاةِ وَأَنْ يَغْطِيَ الرَّجُلُ فَاهَهُ

“Rasulullah SAW melarang meleretkan pakaian dalam solat dan melarang seorang lelaki menutup mulutnya dalam solat.”

(Riwayat Abu Dawud, 2002; no. 650)

Hadis di atas menyatakan bahawa solat dalam keadaan menutup mulut bagi lelaki adalah makruh (al-Shirazi, 1992). Hal ini demikian kerana masyarakat Arab menutup mulut mereka ketika solat dengan kain serban bagi melindungi mereka daripada udara sejuk atau panas. Maka larangan menutup mulut itu adalah kerana perbuatan tersebut boleh menghalang kesempurnaan bacaan dalam solat dan kesempurnaan sujud (al-Qari, 2002). Namun sekiranya terdapat keperluan atau keuzuran untuk melakukan sedemikian, maka diharuskan menutup mulut ketika solat (Ibn Qudamah, 1997). Dalam suasana penularan wabak COVID-19 ini, hukum memakai pelitup muka ketika solat berjemaah adalah harus kerana terdapat keperluan iaitu menghalang risiko penularan jangkitan terhadap jemaah lain. Ini sekaligus bertepatan dengan kaedah fiqh iaitu “Kemudaratan dihapuskan dengan kadar kemampuan”.

Segala risiko, potensi komplikasi dan perkara yang boleh menyumbang kepada mudarat ini wajib dijaui dan dihilangkan sekadar mampu. Oleh itu, memakai *face mask* adalah salah satu usaha untuk menjauhi kemudaratan akibat jangkitan COVID-19. Keputusan pemerintah dalam menetapkan SOP solat berjemaah di tempat ibadat umum dibuat atas dasar kebaikan dan kemaslahatan rakyat, bertepatan dengan kaedah fiqh:

تصرف الإمام على الرعية منوط بالمصلحة

“Tindakan pemerintah terhadap rakyat mestilah berdasarkan kepada masalah (kepada rakyat)” (Zaydan, 2001).

Kaedah ini bermaksud tindakan yang dilaksanakan oleh pemerintah terhadap rakyat mestilah didasari oleh masalah. Dalam konteks ketetapan penjarakan fizikal dan pemakaian pelitup muka ketika solat, pemerintah berhak membuat keputusan yang mendatangkan kemaslahatan kepada rakyat yang berada di bawah tadbir urusnya. Jadi, mentaati arahan pemimpin dalam situasi pandemik COVID-19 adalah wajib bagi menjaga kemaslahatan dan menolak kemudaratan daripada masyarakat umum.

KESIMPULAN

Pertimbangan masalah antara *daruriyyat* dan *tahsiniyyat*, penelitian terhadap kesan (*ma'alat*) dan pandangan *ahl al-khibrah* diambil kira dalam menetapkan penjarakan fizikal semasa solat berjemaah, di mana pelaksanaan SOP bagi urusan agama mestilah dilihat daripada segenap aspek secara menyeluruh. Dalam hal ini, penjarakan fizikal ketika solat adalah lebih baik daripada tidak dapat menunaikan solat berjemaah di masjid atau surau. Malah lebih baik daripada solat dalam keadaan merapatkan saf tetapi menimbulkan risiko penularan jangkitan COVID-19. Melihatkan hampir keseluruhan dunia mengamalkan perkara yang sama menunjukkan bahawa ianya adalah suatu keperluan buat masa ini. Seterusnya, mendalami peranan Maqasid Syariah dalam garis panduan solat berjemaah ketika pandemik COVID-19 melanda dapat memberikan kefahaman kepada umat Islam dalam melaksanakan ibadat seterusnya menyumbang kepada kepatuhan mereka terhadap SOP yang telah dikeluarkan oleh pihak berwajib. Jelaslah bahawa garis panduan tersebut bertujuan melindungi segala matlamat syarak terhadap umat manusia terutama memelihara agama dan nyawa. Walaupun ia tidak disebut secara jelas dalam garis panduan tersebut, namun penetapan tersebut adalah selari dengan Maqasid Syariah yang bertujuan mendatangkan *maslahah* dan mengelakkan *mafsadah* yang berisiko menimpa manusia. Justeru itu, bagi mengurangkan penularan jangkitan COVID-19 masyarakat perlulah berganding bahu dengan mematuhi SOP disamping mengamalkan ajaran Islam dalam menghadapi situasi sukar ini.

RUJUKAN

Buku

- Abu Dawud. (2002). *Sahih Sunan Abi Dawud* (al-Albani (Ed.); 1st ed.). Mu'assasah Gharas.
- al-Fasi. (1993). *Maqasid Al-Shari'ah Al-Islamiyyah wa Makarimuha*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.
- al-Ghazali. (1993). *Al-Mustasfa*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Khadimi. (2001). *'Ilm al-Maqasid al-Syar'iyyah*. Maktabah al-'Abikan.
- al-Qari. (2002). *Mirqat al-Mafatih Syarh Mishkat al-Masabih*. Dar al-Fikr.
- al-Raysuni. (1995). *Nazariyyah al-Maqasid 'Inda al-Imam al-Shatibi*. Al-Ma'had al-'Alami li al-Fikr al-Islami.
- al-Shatibi. (1997). *Al-Muwafaqat Fi Usul al-Shari'ah*. Dar Ibn 'Affan.
- al-Shirazi. (1992). *Al-Muhazzab Fi al-Fiqh al-Imam al-Shafie*. Dar Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Yubi. (1998). *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah wa 'Alaqatuha Bi al-Adillah al-Shar'iyyah*. Dar al-Hijrah.
- Ibn al-Qattan. (2004). *Al-Iqna' fi Masa'il al-Ijma'*. Al-Faruq al-Hadithah li Tiba'ah wa Nashr.

- Ibn Kathir. (1999). *Tafsir al-Quran al-'Azim* (Sami bin Muhammad Al-Salamah (Ed.)). Riyadh: Dar Tayyibah.
- Ibn Qudamah. (1997). *Al-Mughni*. Dar 'Alim al-Kutub.
- Pejabat Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). (2020). *Al-Bayan Siri 6: Isu Penjarakan Fizikal Semasa Solat Berjemaah Di Masjid dan Surau*. Pejabat Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). https://mira.gov.my/wp-content/uploads/2020/11/Al-Bayan_SIRI-6_FINAL-4_compressed.pdf
- Zaydan, A. K. (2001). *Al-Wajiz Fi Sharh al-Qawwa'id al-Fiqhiyyah*. Mu'assasah al-Risalah.

Jurnal

- Daghri, T., & Ozmen, O. (2020). Quantifying the Effects of Social Distancing on the Spread of COVID-19. *MedRxiv, September*. <https://doi.org/10.1101/2020.09.19.20197996>
- Fahim Aslam. (2020). COVID-19 and Importance of Social Distancing. *Journal of Critical Reviews, 7*(8), 1103–1104.
- Matrajt, L., & Leung, T. (2020). Effectiveness of Social Distancing for COVID-19. *Cdc, 26*(8).
- Murtadha Abd Rahim. (2020). Al-Taba'ud Baina al-Sufuf fi al-Juma'i wa al-Jama'at Zaman al-Awbi'ah. *Majallah Kulliyah Al-Dirasat Al-Islamiyyah Li Al-Banin Bi Aswan, 4*(3), 2021–2187. <https://doi.org/https://doi.org/10.21608/FISB.2020.134759>
- Prem, K., Liu, Y., Russell, T. W., Kucharski, A. J., Eggo, R. M., Davies, N., Flasche, S., Clifford, S., Pearson, C. A. B., Munday, J. D., Abbott, S., Gibbs, H., Rosello, A., Quilty, B. J., Jombart, T., Sun, F., Diamond, C., Gimma, A., van Zandvoort, K., ... Klepac, P. (2020). The effect of control strategies to reduce social mixing on outcomes of the COVID-19 epidemic in Wuhan, China: a modelling study. *The Lancet Public Health, 5*(5), e261–e270. [https://doi.org/10.1016/S2468-2667\(20\)30073-6](https://doi.org/10.1016/S2468-2667(20)30073-6)

Akhbar

- Asliza Musa. (2020, September 12). Covid-19: Garis Panduan Solat Jemaah Ambil Kira Ijtihad Ulama. *Utusan Digital*. <https://www.utusan.com.my/nasional/2020/09/covid-19-garis-panduan-solat-jemaah-ambil-kira-ijtihad-ulama/>

Laman Web

- Abd al-Hayy Yusuf. (2020). *Hukmu al-Taba'ud baina al-Sufuf Fi al-Salah bi sabab Kuruna | Fatwa | Dr. Abd al-Hayy Yusuf*. YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=XWfDfyrpqzY>
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2021). *COVID-19 Malaysia Updates by MOH*. COVID-19 Malaysia. <http://covid-19.moh.gov.my/terkini>

- Kesatuan Ulama Muslimin Sedunia. (2020). *Fatwa: Ma Hukmu Taba'ud al-Musallin wa 'Adamu Ras al-Sufuf bisabab Ja'ihah Kuruna*. Fatwa. <https://www.iumsonline.org/ar/ContentDetails.aspx?ID=11517>
- Majlis Fatwa Mesir. (2020). *Dar al-Ifta' Ta'liqan 'ala al-Taba'ud Baina al-Musallin Fi Salah al-Jama'ah*. <https://bit.ly/36jEpej>
- Majlis Fatwa Palestin. (2021). *Hukmu al-Taba'ud Baina al-Musallin Fi hazihi al-Marhalah Fi al-Masjid*. <http://www.fatawah.net/Fatawah/1208.aspx>
- Perutusan Khas YAB Perdana Menteri Mengenai COVID-19 - 16 Mac 2020. (2020). Pejabat Perdana Menteri Malaysia. <https://www.pmo.gov.my/ms/2020/03/perutusan-khas-yab-perdana-menteri-mengenai-covid-19-16-mac-2020-2/?fbclid=IwAR0J7AQXaKq-ngW23n4m7VKb072wuZhJDMvbynkjTbnGdeaLZaIvFeGBc8>
- Zakkir al-Da'wiyah. (2020). *Hal Yazuj al-Taba'ud baina al-Musallin fi al-Salah fi Zil Azmah al-Kuruna? | Sheikh Uthman al-Khamis*. YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=IczE6umt9ZE>

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.